

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6807**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang berada di luar negara untuk tempoh masa melebihi 6 bulan dengan memberi pecahan umur 18-30 tahun, 31-40 tahun, 41-50 tahun dan ke atas dan juga pecahan etnik untuk tiap pecahan umur.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mengklasifikasi profil rakyat Malaysia yang berada di luar negara mengikut pecahan tempoh. Umur dan etnik.**

**Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Jabatan Imigresen Malaysia, memantau pergerakan keluar masuk warganegara Malaysia di dalam negara serta keberadaan warganegara Malaysia di luar negara melalui pengeluaran paspot di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.**

**Bagi tempoh mulai tahun 2010 hingga April 2014, sebanyak 200,096 paspot Malaysia telah dikeluarkan oleh pejabat Atase Imigresen Malaysia dan Malawakil di luar negara di Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong, Indonesia dan Australia.**

MSE merupakan pameran yang mempromosikan sektor perkhidmatan seperti pendidikan, francais, kesihatan dan juga sektor pembinaan yang membina sekolah, hospital dan stadium di mana projek – projek ini memerlukan syarikat yang boleh menyediakan khidmat pembinaan perabot (*contract furniture*). Platform ini telah memberi peluang kepada syarikat – syarikat perabot untuk mempromosikan perabot serta perkhidmatan berkaitan perabot untuk projek ke pasaran yang disasarkan. Pada tahun 2014, program MSE yang melibatkan industri perabot telah dianjurkan oleh MATRADE di Ahmedabad, Jeddah, Doha dan Yangon.

- iii. Syarikat – syarikat perabot Malaysia juga telah dijemput untuk mempamerkan dan mempromosikan barangan mereka di Pusat Pameran Eksport Malaysia (*MATRADE Export Exhibition Centre – MEEC*). MEEC merupakan pusat pameran tetap yang bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia dan membolehkan pembeli dari negara luar untuk melihat pelbagai pilihan produk dari 500 syarikat. Pada tahun 2013, seramai lebih 6,000 pengunjung dari dalam dan luar negara telah melawat ke MEEC.
- iv. Syarikat – syarikat perabot juga berpeluang untuk mempamerkan produk mereka semasa International Trade Malaysia (INTRADE). INTRADE merupakan pameran perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE sejak tahun 2007. INTRADE pada tahun ini akan diadakan pada 20 – 22 Oktober dan mengfokuskan kepada barangan berkaitan sektor gaya hidup yang juga merangkumi barangan perabot. Program *Incoming buying mission* (IBM) akan dijalankan semasa INTRADE bagi memberi peluang kepada syarikat – syarikat perabot tempatan untuk mengadakan pertemuan perdagangan bersama syarikat – syarikat pembeli dari luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Mohd Idris bin Jusri [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kes penipuan Pakej Umrah, berapa ramai menjadi mangsa penipuan itu dan jumlah ringgit yang terlibat. Apakah langkah-langkah yang telah dijalankan untuk memastikan kes itu tidak berulang dan wang yang ditipu dikembalikan kepada mangsa.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2009 hingga Mei 2014, sebanyak 8 kes penipuan umrah telah direkodkan oleh Kementerian ini membabitkan 7 syarikat pengendalian pelancongan berlesen dan 1 syarikat pengendalian pelancongan tidak berlesen. Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan pembatalan lesen ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Dalam hubungan ini, selain membuat laporan kepada pihak polis, mangsa penipuan boleh mengfailkan kes di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) bagi memastikan wang dikembalikan. Berdasarkan maklumat daripada TTPM, dari tahun 2009 hingga 2013, sebanyak 1,782 kes telah difailkan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM10.8 juta.

Di antara langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mengelakkan masalah penipuan pakej umrah ini daripada berleluasa adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan program pemantauan dan menjalankan penguatkuasaan secara berterusan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian

- pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej umrah tanpa lesen.
- ii) Sebagai langkah pengawalan ke atas syarikat pengendalian pelancongan, Kementerian telah membuat semakan semula ke atas kadar denda dan kompaun yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992;
  - iii) Kementerian juga akan melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan. Pada tahun lalu, sebanyak 15 kempen kesedaran kepada orang ramai telah dijalankan di seluruh negara dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, persatuan pelancongan, wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai. Matlamat kempen kesedaran ini adalah untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu disamping menerapkan pendidikan kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian.
  - iv) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial;
  - v) Bagi memastikan tindakan secara komprehensif dan menyeluruh dapat dilaksanakan, Kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menentukan dan memutuskan mekanisme pelaksanaan bagi menangani segala isu

terutama khusus yang berkaitan dengan pengendalian pakej umrah. Cadangan keanggotaan Jawatankuasa Khas akan meliputi semua agensi kerajaan dan persatuan agensi pelancongan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berkepentingan dengan pengendalian pakej umrah seperti:

- i) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- ii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
- iii) Kementerian Luar Negeri;
- iv) Jabatan Polis Di Raja Malaysia;
- v) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), JPM;
- vi) Persatuan Ejen Pelancongan dan Ejen Pengembaraan Malaysia (MATTA); dan
- vii) Persatuan Ejen Pelancongan dan Ejen Pengembaraan Bumiputera (BUMITRA).

Sekian, terima kasih.